

## Novel *Putera Gunung Tahan* oleh Ishak Haji Muhammad Sebagai Wacana Balikan Pascakolonial

The novel *Putera Gunung Tahan* by Ishak Haji Muhammad as a Counter-colonial Discourse

UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR

### ABSTRAK

*Makalah ini merungkai teks Putera Gunung Tahan untuk menyerlahkan wacana balikan yang menyanggah wacana kolonial tentang kelebihan bangsa Eropah berbanding bangsa peribumi yang dijajah. Beberapa aspek wacana kolonial dijunjirbalikkan. Pertama, wacana "menjadi peribumi" yang menghujahkan bangsa Eropah akan hilang kewarasannya jika menyukai peribumi, dipalsukan apabila novelis Ishak Haji Muhammad perlihatkan Robert menjadi gila kerana terkena ubat pengasih. Seterusnya, wacana yang memperagakan watak lelaki peribumi sebagai liar, rakus, lemah atau pondan disanggah apabila watak lelaki peribumi Ratu Bongsu diajukan sebagai pintar, kuat, normal dan santun, yang seterusnya mengalahkan penjajah William, menyelamatkan Puan William dan memperisterikannya.*

*Kata kunci: pascakolonial, kolonialisme, wacana balikan pascakolonial, menjadi peribumi, misi mentamadunkan*

### ABSTRACT

*Through its analysis of Ishak Haji Muhammad's novel Putera Gunung Tahan, this article seeks to highlight a counter discourse that challenges the colonial claim of superiority vis-a-vis the colonised. Several aspects of the colonial discourse are turned on their head. Firstly, the argument that colonisers would become deranged if they "go native" or become overly friendly with the "natives" is rendered false when coloniser Robert's insanity is clearly shown to be the work of a magic potion. Secondly, Ishak debunks the colonial discourse that represents "natives" as weak, wild, sexually rapacious, and abnormal when he portrays his protagonist, the colonised male Ratu Bongsu, as clever, strong, normal, and civilized, who successfully outsmarts William, rescues Mrs. William, and marries her.*

*Keywords: postcolonial, colonialism, postcolonial counter discourse, going native, civilizing mission*

### PENGENALAN

Novel *Putera Gunung Tahan* diterbitkan pada tahun 1937, dan seperti yang diketahui umum, menjelang dekad 1930-an penjajahan oleh kuasa Eropah sudah meliputi lebih 80% daripada muka bumi atau dunia ini (Loomba 1998: xiii). Hanya beberapa daerah sahaja yang belum ditakluki oleh kuasa Eropah. Pada dekad tersebut, Tanah Melayu atau Malaya juga sedang bergelut di bawah cengkaman penjajahan. Ini bererti *Putera Gunung Tahan* dihasilkan dalam suasana dunia begitu likat dengan petaka penjajahan atau kolonialisme.

Apabila Ishak Haji Muhammad diwawancarai dalam rancangan "Komentari," TV Malaysia pada 27 Jun, 1973, iaitu 36 tahun selepas penghasilan novel tersebut, beliau menegaskan bahawa novel tersebut ditulis "khusus sebagai alat perjuangan menuntut kemerdekaan, keadilan dan menghalau penjajah" (*Pak Sako Putera Gunung Tahan*, 1973: muka depan). Lumrah mengatakan apabila seorang penulis merenung kembali penulisan yang dihasilkan bertahun-tahun sebelum itu, kenangan

tersebut biasanya dibauri oleh nostalgia lantaran faktor waktu antara kenangan dan objek yang dikenang itu. Tanpa menafikan kemungkinan adanya unsur nostalgia ini, apa yang ketara ialah "Ingatan Pengarangnya," iaitu sebuah kenyataan yang ditulis di Temerloh pada 14 Februari 1937, dan dikepilkan bersama novel tersebut, membenarkan dakwaan beliau di rancangan "Komentari" itu. Justeru, makalah ini ingin mempermasalahkan dakwaan Ishak tersebut. Sejauh manakah Ishak telah melaksanakan dakwaannya itu, dan apakah strategi penulisan yang digembleng untuk melaksanakannya. Seterusnya, dan lebih penting lagi, adakah beliau berjaya dalam usahanya itu, iaitu benarkah novel *Putera Gunung Tahan* telah berfungsi sebagai alat perjuangan menuntut kemerdekaan, keadilan dan menghalau penjajah, seperti yang dimeterai oleh Ishak dalam lampiran novelnya pada 1937, dan diulang semula tanpa berganjak 36 tahun kemudiannya, iaitu pada wawancara 1973. Untuk tujuan tersebut, sedikit perbincangan tentang wacana kolonialisme dan pascakolonialisme, seperti yang berkaitan dengan makalah ini, adalah diperlukan.

## KERANGKA ANALISIS: WACANA KOLONIAL DAN PASCAKOLONIAL

Sesungguhnya tulisan tentang wacana kolonial dan pascakolonial begitu lumrah didapati dan juga umum dimaklumi, dan bukanlah tujuan makalah ini untuk membincangkannya secara terperinci di sini. Namun untuk tujuan makalah ini, beberapa idea pokok tentang pascakolonialisme, khususnya yang ada kaitan dengan tuntutan makalah ini, akan disentuh dalam usaha menyerlahkan perungkaian teks *Putera Gunung Tahan* sebagai satu wacana balikan pascakolonial.

Dengan penuh kesedaran tentang kompleksnya soal pascakolonial ini, tentang rumitnya soal perbezaan pengalaman kolonial yang dilalui oleh negara-negara yang dijajah, tentang kepelbagaian faktor yang perlu diambil kira seperti kelas, gender, ideologi dan sebagainya, di samping tentang risiko merumus dan mempermudah semuanya ini, makalah ini akan menarik perhatian kepada beberapa konsep pokok yang mendasari wacana pascakolonial. Seterusnya, dalam hal perungkaian teks nanti, makalah ini hanya memanfaatkan wacana tersebut daripada segi prinsipnya dan bukan perinciannya. Secara umum, pascakolonialisme berlegar pada soal proses penjajahan serta kesan-kesan penjajahan tersebut, khususnya kesannya ke atas sejarah, politik, sistem masyarakat, nilai, sastera dan budaya masyarakat yang pernah dijajah. Sehubungan ini, merujuk kepada konteks penjajahan atau kolonialisme, antara tiga perkara penting yang saling bergantung ialah pertama, pengautan kekayaan dan laba; kedua, pembikinan atau penghasilan ilmu; dan ketiga, representasi atau cara penggambaran. Dapat dirumuskan bahawa kolonialisme bertolak daripada kerakusan untuk menakluki dan merampas kekayaan negara-negara yang ditakluki. Namun, pengautan laba ini perlu dilakukan dengan sedemikian rupa sehingga tujuan asal, iaitu merampok kekayaan, tidak menjadi ketara. Ini bererti penjajahan mesti diwajibkan dengan cara yang tertentu, dan ini memerlukan agar “ilmu” tertentu pula dibentuk dan dihasilkan, iaitu ilmu yang bukan saja dapat mengaburkan muslihat penjajahan tersebut, tetapi mampu pula mewajarkan dan menghalalkannya. Ini seterusnya membawa kepada perlunya representasi atau gambaran-gambaran tertentu, khususnya tentang mereka yang dijajah.

Untuk melaksanakan tujuan di atas, antara konsep penting yang mendasari kolonialisme ialah konsep “*othering*” atau “melainkan,” yakni menjadikan mereka yang dijajah itu “lain” atau “tidak sama.” Secara mudah, konsep ini melibatkan para penjajah (yang dikaitkan dengan bangsa Eropah) “menjarakkan” diri mereka secara ideologi daripada orang-orang yang dijajah (iaitu peribumi jajahan yang ditakluki) agar perbezaan antara kedua-dua kelompok ini menjadi jelas, menonjol dan mudah dikenali. Lanjutan daripada itu, kedudukan penjajah dan yang dijajah dipertentangkan secara binari.

Seterusnya, dengan menggunakan perbezaan ras (*racial difference*), wacana kolonial mencipta apa yang dikenali sebagai “diri Eropah” (*European self*) dan “yang lain yang bukan Eropah” (*non-European other*) (seterusnya dirujuk sebagai “yang lain”). Lanjutan daripada ini, proses menggambarkan “diri Eropah” di satu pihak dan “yang lain” di pihak satu lagi, dengan tujuan membezakan kedua-kedua kelompok ini, menjadi mudah dan berkesan. Atas dasar perbezaan ras inilah pada tahun 1758 umpamanya, John Burke mampu menyediakan satu senarai yang berjudul *The Wild Men's Pedigree* (Jurai Keturunan Orang Buas), seperti berikut:

- a. *Wild Man. Four footed, mute hairy.*
- b. *American. Copper coloured, choleric, erect. Hair black, straight, thick; nostrils wide; face harsh; beard scanty; obstinate, content, free. Paints himself with fine red lines. Regulated by customs.*
- c. *European. Fair, sanguine, brawny; hair yellow, brown, flowing; eyes blue; gentle, acute, inventive. Covered with close vestments. Governed by laws.*
- d. *Asiatic. Sooty, melancholy, rigid. Hair black; eyes dark; severe, haughty, covetous. Covered with loose garments. Governed by opinions.*
- e. *African. Black, phlegmatic, relaxed. Hair black, frizzled; skin silky; nose flat, lips turmid; crafty, indolent, negligent. Anoints himself with grease. Governed by caprice.* (penekanan ditambah) (Loomba, 1998: 115)

- a. Manusia liar. Berkaki empat, bisu berambut lebat.
- b. Orang Amerika. Warna kulit tembaga, pmarah, berdiri tegak. Rambut hitam, lurus, lebat; hidung lebar; wajah keras; jenggot jarang; bandel, puas diri, bebas. Melukisi tubuh dengan garis-garis merah. Diatur oleh adat.
- c. Orang Eropah (sic). Warna kulit terang, optimis, berotot; rambut kuning, coklat, berombak; mata biru; lembut, cerdas, cerdik. Berpakaian ketat (sic). Diatur oleh hukum.
- d. Orang Asia. Kehitam-hitaman, melankolis, kaku. Rambut hitam; mata hitam; keras, angkuh, tamak. Berpakaian longgar. Diatur oleh pendapat.
- e. Orang Afrika. Hitam, lamban, santai. Rambut hitam, keriting; kulit halus sutera; hidung pesek, bibir tebal; banyak akal, malas, lalai. Mengolesi tubuh dengan gemuk (sic). Diatur oleh kehendaknya sendiri. (Loomba (ter. Hartono Hadikusumo) 2000: 151)

Dalam senarai di atas, “yang lain” digambarkan sebagai liar, pmarah, degil, malas, tamak, murung, jahat, lalai serta bodoh, dan kehidupan mereka pula lebih didasarkan kepada rasa hati, adat, tahyul dan sebagainya, yakni tidak bertolak daripada kewarasan. Sebaliknya, “diri Eropah” pula digambarkan sebagai kebalikan daripada “yang lain,” yakni cerdik, pandai, santun dan bertamadun, dan kehidupan mereka pula didasarkan kepada undang-undang. Dengan kata lain,

“diri Eropah” itu bertamadun berbanding “yang lain” yang direpresentasikan sebagai ketinggalan dan tidak bertamadun. Dengan cara perbezaan binari ini, wacana kolonial dengan jelas dapat melainkan (*othering*) peribumi/ yang dijajah atau menjadikan peribumi/ yang dijajah itu “lain” dan tidak sama dengan bangsa Eropah.

Seterusnya, melalui prasarana-prasarana dan mekanisme tertentu seperti pendidikan, bahan bacaan, sejarah yang ditulis dan sebagainya, gambaran serta fahaman seperti ini seterusnya diperpanjang sebagai “ilmu” yang diguna pakai dan tidak dipertikaikan lagi. Dengan berbekalkan wacana begini, penjajahan dengan mudah dapat diwujudkan. Edward Said menegaskan perkara ini seperti berikut:

Taking the late eighteenth century as a very roughly defined starting point Orientalism can be discussed and analyzed as the corporate institution for dealing with the Orient – dealing with it by making statements about it, authorizing views of it, describing it, by teaching it, settling it, ruling over it: in short, Orientalism as a Western style for dominating, restructuring, and having authority over the Orient...

European culture gained in strength and identity by setting itself off against the Orient as a sort of surrogate and even underground self (Said 1979: 3).

Bertolak daripada perbezaan yang jelas memihak kepada “diri Eropah” seperti yang dilihat di atas, maka penjajahan itu seterusnya diajukan oleh penjajah sebagai satu misi mentamadunkan bangsa yang mundur dan ketinggalan zaman, atau dikenali dalam wacana kolonial sebagai *civilizing mission*. Begitu juga, misi ini turut dirujuk secara konsisten dalam wacana kolonial sebagai *the white men’s burden* atau tanggungjawab yang terpaksa dipikul oleh orang kulit putih. Wacana muluk seperti ini dengan mudah mengabur dan menimbus muslihat dan matlamat sebenar penjajahan, iaitu merompak kekayaan dan juga mendapatkan tanah jajahan. Penjajahan kini bertukar menjadi sesuatu yang mulia dan bebas daripada niat jahat, iaitu satu misi kudus. Seperti dijelaskan oleh Jan Mohamed (1985):

While the covert purpose [kolonialisme] is to exploit the colony’s natural resources thoroughly and ruthlessly through the various imperialist material practices, the overt aims, as articulated by colonialist discourse, is to “civilise” the savage, to introduce him to all the benefits of Western cultures. Yet the fact that this overt aim, embedded as an assumption in all colonialist literature, is accompanied in colonialist texts by a more vociferous insistence, indeed by a fixation, upon the savagery and evilness of the native, should alert us to the real function of these texts: to justify imperial occupation and exploitation.

Lanjutan daripada perbincangan di atas, dan sesuai dengan tuntutan makalah ini, beberapa perincian wacana tersebut menarik untuk diketengahkan. Antaranya ialah perkara “menjadi peribumi” atau “*going native*.” Ini melibatkan soal merentasi atau melampaui sempadan

antara “diri Eropah” dan “yang lain.” Apabila penjajah tertarik atau memperlihatkan simpati atau mengaitkan dirinya dengan yang dijajah/peribumi, ini bererti penjajah tersebut telah “menjadi peribumi,” iaitu ia telah melintasi perbatasan antara “diri Eropah” dan “yang lain.” Ia dikatakan telah merosot ke belakang atau *regress*, dan antara padah perbuatan merentasi batas ini ialah kehilangan kewarasannya.

Persepsi yang melihat kegilaan sebagai musibah yang pasti ditanggung oleh penjajah yang “menjadi peribumi” ini diperkuat dan diabsahkan oleh tulisan-tulisan tentang psikologi dan *psyche* manusia. Sigmund Freud, seorang ahli psikologi, umpamanya, menyamakan atau menyejajarkan perkembangan individu daripada seorang kanak-kanak kepada orang dewasa, dengan perkembangan sosial manusia daripada bersifat liar atau primitif kepada sifat bertamadun (*civilised*). Manusia primitif (atau peribumi) adalah seperti kanak-kanak yang belum mencapai kematangan, yakni ia bertindak mengikut naluri kerana ia tidak mampu berfikir. Ini berbeza dengan manusia Eropah yang disamakan dengan orang dewasa yang matang dan bertindak mengikut fikiran. Perbezaan yang ditekankan di sini ialah antara manusia naluri (primitif/kanak-kanak) dengan manusia berfikir (Eropah/dewasa/matang). Adalah menarik diulang di sini bagaimana perbezaan ras sekali lagi dikaitkan dengan kematangan perkembangan manusia. Justeru, penjajah yang melolosi sempadan “diri Eropah” dan “menjadi peribumi” menggadaikan kewarasan, kematangan dan rasionalitinya itu dengan ketidakwarasan dan ketidaksihmanan. Ini kerana tindak tanduknya kini bertolak daripada naluri berbanding fikiran.

Satu lagi gambaran penting dalam wacana kolonial, dan yang akan digunakan untuk runtuai teks, berlegar pada soal gender dan seksualiti. Secara umum, penjajahan sering disamakan dengan hubungan seks dalam erti kata kedua-duanya membawa maksud penaklukan. Dalam representasi kolonial, umpamanya, benua yang dijajah seperti Amerika sering digambarkan sebagai wanita yang separuh bogel, yang menanti untuk dirampas, ditawan dan dimiliki. Begitu juga, tubuh wanita khususnya wanita peribumi, digambarkan sebagai misteri atau rahsia yang menanti untuk dirungkai, atau sebagai keseronokan yang menanti untuk dinikmati. Dengan kata lain, tubuh wanita serta penyerahannya menjadi semacam simbol bagi tanah jajahan yang rela dan mampu ditawan. Lihat penjelasan Loomba seperti berikut:

The Biblical story of Sheeba arriving laden with gold at Solomon’s court and willingly surrendering her enormous wealth in return for sexual gratification initiated a long tradition of stories in which the desire of the native woman for the European man coded for the submission of the colonised people. (Loomba 1998: 153)

Lanjutan itu, perilaku dan nafsu seks wanita digambar menurut tahap dan susunan tertentu. Dalam

konteks nafsu seks, wanita Eropah digambarkan terletak di tangga tertinggi, diikuti wanita Timur, sementara wanita kulit hitam pula ditempatkan di bawah sekali. Penjelasan kedudukan ini ialah nafsu seks wanita Eropah dikatakan normal berbanding wanita kulit hitam yang dikatakan keterlaluan dan tidak dapat dikawal, sementara wanita Timur terletak di antara kenormalan wanita Eropah dan kerakusan wanita kulit hitam. Seajar dengan ini ialah perilaku seks wanita Eropah yang digambarkan sebagai normal berbanding wanita Timur dan kulit hitam yang menyimpang daripada kebiasaan.

Merujuk kepada lelaki Orient atau peribumi Timur pula, di satu pihak ia digambarkan sebagai lelaki lembut, pondan atau menyukai jenisnya sendiri. Di pihak yang lain pula, ia digambarkan sebagai buas serta liar, mempunyai nafsu seks yang tinggi yang senantiasa mendamba kepuasan. Justeru, wanita peribumi perlu diselamatkan daripada kerakusan mereka; dan lebih penting daripada itu dalam pengukuhan wacana kolonial ialah lelaki yang menyelamatkan wanita peribumi daripada kerakusan lelaki peribumi ialah lelaki Eropah.

Seterusnya, satu lagi gambaran yang secara konsisten diperagakan dalam wacana kolonial ialah ketinggian intelek “diri Eropah” dan kebodohan “yang lain.” Seperti yang dijelaskan di atas, ilmu sains digembleng untuk mengabsahkan dakwaan-dakwaan ini. Justeru, ilmu tentang saiz dan bentuk kepala, fisiologi serta sifat-sifat biologi dimanfaatkan untuk mewar-warkan kepandaian penjajah di satu pihak, dan kebodohan peribumi di pihak yang lain. Seajar dengan ini ialah dakwaan kebergantungan peribumi kepada tahyul dan magis, berbanding penjajah yang dikatakan lebih mementingkan fikiran waras dan rasionaliti, lantas dapat menguasai ilmu sains dan menghasilkan teknologi tinggi dan canggih sebagai bukti ketamadunan mereka. Seterusnya, ini dijadikan hujah mantap mengapa “diri Eropah” itu ditakdirkan untuk menjajah peribumi, kerana dengan cara ini peribumi turut dapat meraih manfaat daripada kepandaian mereka itu, seperti yang dibincangkan di atas. Seterusnya, bertolak daripada struktur pemikiran yang menghasilkan ilmu dan representasi yang tertentu itu, maka wacana kolonial ini dimantapkan sebagai “ilmu” yang sah, dan diperpanjangkan.

Berhadapan dengan wacana seperti ini, yang diajukan sebagai “ilmu,” peribumi yang dijajah berusaha untuk menangkis, menyanggah, menentang, menyangkal, mematah, menidak atau meleburkan wacana tersebut dengan mengutarakan wacana balikan atau wacana sanggahan (*counter discourse*). Wacana balikan ini menawarkan satu bentuk pemikiran yang alternatif, yang didasarkan kepada sudut pandangan, fahaman dan perspektif yang dijajah. Ia bertujuan untuk mendombrak “ilmu” dan representasi yang meremehkan kedudukan dan martabat mereka. Pertentangan binari itu dirungkai semula untuk menunjukkan betapa “ilmu” yang diperagakan itu sebenarnya adalah muslihat, iaitu tidak lebih daripada struktur pemikiran penjajah, dan bukannya sesuatu yang

semula jadi (*innate*) pada peribumi. Wacana pascakolonial juga berusaha untuk mendedah dan menghuraikan struktur kuasa yang bukan saja membolehkan wacana penjajah itu wujud, berkembang dan berterusan tetapi mampu pula mengabsahkannya. Beberapa manifestasi wacana balikan ini jelas kelihatan dalam novel *Putera Gunung Tahan*, seperti yang akan dibincangkan nanti.

Dalam memilih novel *Putera Gunung Tahan* yang dihasilkan pada tahun 1937, kita berhadapan dengan satu soalan yang penting, yang didatangkan oleh perkataan “pasca” itu. Seperti yang diketahui umum, secara semantik perkataan “pasca” itu membawa maksud “selepas” atau “sesudah,” dan secara logiknya istilah “pascakolonialisme” membawa maksud “sesudah” atau “selepas” kolonialisme. Dalam konteks makalah ini, bagaimanakah maksud ini dapat diterima dan diselaraskan dengan tujuan merungkai sebuah teks yang dihasilkan semasa penjajahan masih begitu kuat mencengkam Tanah Melayu. Dengan kata lain, bagaimanakah novel *Putera Gunung Tahan* dapat dikatakan menyerlahkan wacana pascakolonial sedangkan novel tersebut terhasil semasa Tanah Melayu masih dijajah Inggeris dan belum “pasca” kolonial lagi. Sesungguhnya, soal semantik yang terletak pada perkataan “pasca” itu telah banyak dihuraikan. Di sini memadailah ditegaskan bahawa, seperti yang telah dihuraikan oleh pelbagai sarjana, “pasca” di sini tidak dikaitkan dengan tempoh yang bersifat linear, yang menekankan urutan “sebelum” dan “selepas.” Ia lebih berlegar pada ideologi atau hujahan idea yang menekankan keadaan kuasa yang tidak seimbang, di mana yang lebih kuat menakluki atau menindas yang lemah. Ini boleh berlaku, umpamanya, dalam keadaan negara sudah dibebaskan daripada kuasa penjajah tetapi kemudian diperintah dengan kejam dan zalim oleh seorang diktator bangsanya sendiri. Keadaan seperti ini sering juga dikenali sebagai neokolonialisme.

Hakikat bahawa Ishak Haji Muhammad peka tentang ideologi ini, dan bahawa novel ini dimediasi atau diwarnai oleh kepekaan tersebut, jelas terserlah dalam pengakuan beliau yang tertera dalam “Ingatan Pengarangnya” yang melampiri novel tersebut, seperti yang dijelaskan dalam bahagian Mukadimah. Ingatan pengarang tersebut, yang ditulis di Temerloh, Pahang pada 14 Februari 1937, antara lain merakamkan:

Maka telah dikarang dia bagi bacaan orang yang telah tahu berfikir dan bukanlah dimaksudkan bagi bacaan budak-budak sekolah.

Buku ini bukanlah suatu cerita asyik-mahsyuk yang biasa tuan-tuan lihat... atau pun yang telah tuan baca, kerana isinya penuh dengan sindiran-sindiran dan kias ibarat yang dalam.

Seorang yang telah membaca buku ini sekali lalu tentulah sedar akan apa dia kewajiban-kewajibannya terhadap kepada tanahairnya, bangsa dan adat resamnya dan daripada hari itu mudah-mudahan tertariklah hatinya kepada mempertahankan ugama, adat istiadat dan tanahairnya supaya jangan terbinasa... (Ishak Haji Muhammad 1973: i. Ejaan lama dikekalkan)

Hakikat ini menjadikan *Putera Gunung Tahan* sebuah novel yang menarik kerana ia secara sadar dan sengaja dimediasi atau diwarnai oleh kepekaan tersebut. Dan ini terlaksana walaupun karya ini dihasilkan dalam konteks yang tidak atau belum terbiasa dengan kehadiran “wacana pascakolonial” sebagai satu bidang ilmu yang diterima pakai, seperti yang dapat dimanfaatkan oleh komuniti penulis dan pembaca dewasa ini. Ini sekali gus menunjukkan betapa Ishak mendahului zamannya.

#### PERUNGKAIAN TEKS DARIPADA PERSPEKTIF PASCAKOLONIAL

Sesungguhnya dalam merungkai teks ini ada banyak perkara yang boleh diajukan sebagai hujahan wacana pascakolonial. Namun makalah ini hanya akan memperkatakan beberapa perkara sahaja sebagai usaha menyerlahkan wacana balikan yang tertera dalam novel tersebut. Wacana balikan tersebut melibatkan dua perkara. Pertama, memalsukan representasi peribumi seperti yang terdapat dalam wacana kolonial. Ini bererti dakwaan dan gambaran wacana kolonial bahawa peribumi adalah bodoh, liar, rakus dan sebagainya itu diperlihatkan tidak benar sama sekali, malah jelas palsu belaka. Kedua, menjungkirbalikkan representasi peribumi dan bangsa Eropah dalam wacana kolonial. Ini bererti memperlihatkan representasi atau dakwaan wacana kolonial tentang peribumi seperti malas, rakus, liar itu sebenarnya lebih tepat menggambarkan diri Eropah sendiri. Seterusnya, sebagai kebalikannya, diperlihatkan bahawa representasi diri Eropah seperti pintar, santun, berbudaya, halus dan sebagainya itu lebih tepat menggambarkan peribumi daripada diri Eropah. Sehubungan itu, makalah ini akan melihat dua strategi penulisan yang berbeza, iaitu pertama, penggunaan ujaran secara sengaja, jelas, terus-menerus dan tanpa selindung; kedua, penggunaan sindiran, ejekan, perli dan kias ibarat. Perungkaiian dengan cara demikian mampu menunjukkan dengan jelas sama ada Ishak berjaya dalam misinya untuk menjadikan *Putera Gunung Tahan* sebagai alat untuk mengembalikan maruah bangsanya itu. Usaha Ishak ini perlu dilihat dalam konteks lahirnya karya tersebut, iaitu konteks negaranya itu memang sedang dijajah, sama ada dari segi geografi, politik, ekonomi, dan lebih penting lagi, dari segi maruah dan harga diri yang diinjak itu.

*Putera Gunung Tahan* mengisahkan dua orang Inggeris yang berhasrat untuk menjadikan puncak Gunung Tahan sebagai tempat peranginan bangsa mereka. Dalam perjalanan ke kemuncak gunung tersebut Robert dan William telah terpisah. Robert yang seterusnya bertemu dengan sekumpulan orang “sakai” (Istilah asal daripada teks yang dikaji. Seterusnya istilah ini dikekalkan tanpa tanda kutipan sepanjang makalah ini) telah dibawa ke tempat kediaman mereka. Di sana dia jatuh hati kepada seorang gadis sakai, dan melalui seorang perempuan tua, Robert menyampaikan

hasratnya ingin memperisterikan gadis tersebut. Untuk mencapai tujuan itu, Robert dikenakan beberapa syarat. Robert mati tanpa memenuhi syarat tersebut. Sementara itu, William pula bertemu dengan Ratu Bongsu (putera) Gunung Tahan yang telah meminjamkan teropong magis kepadanya. Melalui teropong tersebut William dapat melihat isterinya, yang ditinggalkan di negaranya itu, sedang menduakannya. Cerita disudahi dengan kemusnahan kapal terbang yang dihantar untuk meletupkan puncak Gunung Tahan, kedatangan isteri William, kematian William dan perkahwinan Ratu Bongsu dengan balu William.

Seperti yang jelas dalam ingatan pengarangnya yang dikutip di atas, Ishak secara sadar dan sengaja menggunakan novel *Putera Gunung Tahan* untuk menyedarkan pembacanya tentang keadaan penjajahan dan tanggungjawab mereka terhadap tanah air yang telah dijajah itu. Dengan menggunakan teknik berdialog dengan pembaca secara terbuka dan juga teknik celahan pengarang (*authorial intrusion*), iaitu teknik yang lumrah dewasa itu, Ishak dengan mudah dapat menyampaikan pesanan dan nasihatnya dalam bentuk yang jelas dan terus terang. Sebagai contoh ialah nasihat beliau: “Maka sekiranya setengah-setengah pihak orang-orang Melayu itu tidak bermuka-muka dan tidak menganiayakan ketua-ketuanya dan tidak makan suap haruslah susah bagi pihak musuhnya hendak menang tetapi apa hendak dikatakan lagi!” (Ishak 1973: 4).

Selain itu, manipulasi cerita yang tertentu juga memungkinkan novel ini mendedah dan menangkis wacana kolonial dengan cara yang jelas dan tanpa ambiguiti. Umpamanya, dengan menghadirkan dua orang watak Inggeris, Robert dan William, Ishak dengan mudah dapat menyerlahkan niat Inggeris yang sebenar melalui perbualan mereka berdua serta renungan atau fikiran mereka. Umpamanya, renungan Robert dengan jelas menyimpulkan niat sebenar orang Inggeris menjajah Tanah Melayu: “Tiap-tiap orang kulit putih yang datang ke Malaya ini ialah dengan tujuan hendak mencari wang dan keuntungan dan bukan semata-mata hendak memimpin atau menaungkan bumiputera negeri ini” (Ishak 1973: 23-24). Begitu juga, perbualan mereka berdua mendedahkan bahawa mereka akan diberi ganjaran lima ribu paun dan juga penghormatan sekiranya misi mereka untuk menawan Gunung Tahan itu berhasil. Atau melalui rancangan sebenar William: “Oleh itu disyorkan kepada ketuanya supaya mengambil tempat itu [kemuncak Gunung Tahan] dengan keras iaitu dengan menghantarkan beberapa buah kapal terbang dan menggugurkan letupan-letupan supaya terbunuh penunggu itu dengan rakyat-rakyatnya” (Ishak 1973: 81).

Seterusnya, berhubung dengan pendedahan seperti yang tertera di atas, yang merupakan maklumat tentang niat sebenar Inggeris, cerita dimanipulasi untuk menunjukkan hipokrasi Inggeris apabila dalam cerita selanjutnya Robert dan William memendamkan hasrat sebenar mereka itu dan sebaliknya mengujarkan janji

yang muluk-muluk sekiranya mereka diberi peluang untuk menjadikan Gunung Tahan “kayangan yang kedua” (Ishak 1973: 58). Dengan memanipulasi cerita seperti ini, novel dapat melakukan beberapa perkara sekali gus iaitu: ia dapat mendedahkan erti sebenar penjajahan iaitu mengaut kekayaan; ia mempamerkan bahawa wacana kolonial yang muluk itu adalah modal yang sering diperagakan oleh penjajah; dan ia dapat menghakis wacana muluk tersebut apabila struktur pemikiran penjajah yang sebenar terbongkar, khususnya apabila ia dibongkar oleh penjajah sendiri melalui renungan dan perbualan mereka.

Selain itu ialah penggunaan perdebatan terbuka antara penjajah dan yang dijajah. Untuk itu Ishak memperagakan Perempuan Tua dengan Robert sebagai satu pasangan debat dan Ratu Bongsu dengan William sebagai satu pasangan lagi. Dalam kedua-dua konteks ini, peribumi digambarkan “tidak termakan” dengan dakwaan-dakwaan penjajah; sebaliknya peribumi dengan berani menempelak penjajah secara terbuka seperti yang jelas dilakukan oleh Perempuan Tua: “Demikianlah misalnya orang-orang putih yang lain itu. Masakan mereka itu hendak menaungkan negeri-negeri kami dengan percuma sahaja melainkan tentulah ada faedah-faedahnya” (Ishak 1973: 38).

Selain daripada strategi penceritaan yang bersifat secara langsung, terus terang dan tersurat, Ishak juga menangkis wacana kolonial dengan cara yang lebih tersirat sifatnya khususnya melalui sindiran, seperti yang diakui sendiri oleh Ishak dalam Ingatan Pengarangnya yang dipetik di atas.

Berkaitan perkara ini, tulisan-tulisan yang memperkatakan tentang pengemblem sindiran ini sering merujuk kepada kisah Robert jatuh hati kepada gadis sakai sebagai contoh sindiran Ishak terhadap Inggeris. Ishak dikatakan mempertajamkan lagi sindirannya itu apabila Robert, selain kelihatan kurus kering dan kusut masai, digambarkan asyik merindui gadis sakai tersebut sambil menangis dan berpantun seloka. Seterusnya, Ishak dikatakan mempertingkatkan sindirannya apabila Robert dipaparkan mengelilingi busut sebanyak tujuh kali sambil mengejar gadis pujaannya sebagai syarat kahwin. Kelakuan Robert yang seperti orang sasar itu dikatakan satu sindiran tajam terhadap Inggeris kerana dengan mudah dapat ditipu oleh peribumi walaupun penjajah tersebut mendakwa diri dan bangsanya pandai dan bertamadun tinggi.

Tanpa menafikan gambaran Robert yang sasar itu memang merupakan sindiran pedas terhadap Inggeris, makalah ini bagaimanapun ingin melihat kegilaan Robert itu daripada perspektif yang lain. Ia cuba membaca sindiran tersebut dalam konteks wacana kolonial, khususnya yang memperkatakan tentang soal “menjadi peribumi.” Seperti yang dijelaskan dalam bahagian kerangka analisis, wacana kolonial menghujahkan bahawa penjajah yang bersimpati atau mengaitkan dirinya dengan peribumi dianggap telah

melintasi sempadan yang membezakan antara “diri Eropah” dan “yang lain,” dan padah perbuatan tersebut ialah penjajah berkenaan menjadi tidak waras. Dalam konteks wacana kolonial seperti yang dilihat di atas, ini adalah satu perbuatan yang sangat signifikan kerana ia menggodam konsep kolonial yang sangat fundamental iaitu “melainkan” atau “*othering*,” yang melibatkan perlunya “diri Eropah” dijarakkan dari peribumi, dan seterusnya jarak tersebut dikekalkan.

Apabila wacana tersebut diterapkan kepada novel *Putera Gunung Tahan*, maka gambaran Robert yang “jatuh asyik” kepada gadis sakai dan menjadi sasar itu wajarlah dibaca sebagai pengukuhan wacana kolonial tersebut. Persis seperti yang dihujahkan oleh wacana kolonial, Robert yang “menjadi peribumi” benar-benar menjadi tidak siuman. Adakah ini bererti *Putera Gunung Tahan* sebenarnya memperakukan wacana kolonial tersebut dan bukan menghakisnya? Interpretasi ini sukar diterima kerana “Ingatan Pengarangnya” jelas memperlihatkan komitmen Ishak terhadap memperjuangkan agama dan negaranya, di samping menggunakan novelnya itu secara sedar untuk tujuan tersebut. Di luar teks pula, kehadiran Ishak sebagai seorang nasionalis yang dihormati sukar dipertikaikan. Jika demikian, adakah mungkin novel tersebut menjadi pengukuh wacana kolonial tanpa kesedaran pengarang atau di luar kawalan beliau? Atau adakah Ishak “cakap tak serupa bikin?”

Bacaan terhadap episod Robert “menjadi peribumi” itu perlu mengambil kira beberapa perkara penting, termasuklah punca kegilaan Robert tersebut. Adakah benar Robert gila kerana ia “menjadi peribumi” atau ada penjelasan lain tentang pertukaran Robert tersebut. Penelitian novel menunjukkan bahawa sifat angkuh Robert serta sikapnya meremehkan ilmu pengasih, ilmu pembenci dan ubat-ubatan yang dikatakan “karut marut” itu membuat Perempuan Tua menjadi benci terhadapnya lantas berikrar untuk “mengenakan” Robert melalui ubat pengasih dan cenuai. Seterusnya, novel memperlihatkan perlunya persediaan yang banyak untuk “mengena” Robert, iaitu daripada meminta izin Tok Batin, mencari gadis sakai yang tercantik, mengajarnya apa-apa yang perlu dilakukan, mengadakan jamuan dan perjumpaan, menyediakan gelanggang untuk upacara mengejar keliling busut, menyapu gadis tersebut dengan minyak agar menjadi licin dan tidak dapat ditangkap, hinggalah kepada episod gadis tersebut dan Robert memanjat pokok. Dengan kata lain, untuk “mengenakan” Robert agar “jatuh asyik” kepada gadis sakai melibatkan satu perancangan yang rapi. Ini juga bererti bahawa Robert tidak “menjadi peribumi” dengan kerelaannya sendiri tetapi ia “dikenakan.”

Dalam konteks inilah Ishak menghakis wacana kolonial, iaitu dengan menunjukkan bahawa Robert menjadi sasar bukan kerana dia “menjadi peribumi” seperti dakwaan wacana kolonial. Tegasnya, wacana kolonial itu palsu, dan episod ketidakwarasan Robert

ini adalah satu bukti kukuh betapa palsu wacana tersebut. Seterusnya, Ishak menunjukkan Robert menjadi sasaran kerana dia terkena ubat pengasih, iaitu ubat yang fungsinya memang menjadikan orang yang terkenanya sasaran (hatta peribumi sekali pun!). Dan dengan itu ketidakwarasan Robert, yang lumrah dibaca hanya sebagai sindiran terhadap penjajah saja, mendapat makna tambahan yang signifikan apabila ia (ketidakwarasan Robert) juga menjadi satu sanggahan yang halus terhadap wacana kolonial itu sendiri. Dengan kata lain, episod ketidakwarasan Robert itu adalah serampang dua mata dalam erti kata ia berperanan sekaligus sebagai sindiran dan juga sanggahan.

Satu lagi contoh yang sering diutarakan apabila memperkatakan soal sindiran dalam novel ini ialah yang berlegar pada watak Ratu Bongsu, William dan balu William. Pada satu tahap, sindiran dikatakan kelihatan pada benda-benda ajaib milik peribumi seperti teropong buluh yang dapat melihat segala-galanya, pokok beringin yang boleh “bercakap” dan burung pesuruh jaya yang boleh menerbangkan surat ke merata dunia. Perkara-perkara ajaib ini dikatakan menjadi sindiran kepada William yang membanggakan ciptaan-ciptaan dan teknologi canggih manusia Eropah, lebih-lebih lagi apabila William sendiri menggunakannya (benda ajaib) untuk menghantar surat kepada ketuanya dan melihat dan mendengar isterinya. Begitu juga, kaedah penceritaan menjuxtaposisikan magis peribumi dan sains Eropah (seperti kapal terbang yang menyerang Ratu Bongsu), dan seterusnya mengalahkan sains Eropah, adalah satu sindiran yang jelas, lebih-lebih lagi apabila yang menjadi sasaran sindiran ialah faktor yang dibanggakan Inggeris/Eropah, iaitu keunggulan ilmu sains, kecanggihan teknologi dan ketinggian intelek mereka. Malah, tamparan yang paling hebat sekali kepada wacana kolonial ialah apabila Ishak membantutkan hasrat Robert dan William untuk menjadikan kemuncak Gunung Tahan “kayangan kedua,” mematikan kedua-dua watak ini, dan seterusnya memberi kemenangan mutlak kepada peribumi. Sebagai wacana balikan, novel *Putera Gunung Tahan* menepati hasrat untuk meniadakan wacana kolonial yang bertunjangan superioriti Eropah/Inggeris.

Namun, penyelesaian cerita, khususnya perkahwinan Ratu Bongsu, raja Gunung Tahan yang gagah dan bersakti itu, dengan balu William yang pernah menduakan suaminya, yang seterusnya dilantik sebagai Rani Gunung Tahan, seolah-olah menimbulkan rasa terkilan kerana ia dianggap semacam mengeruhkan kemutlakan wacana balikan yang tertera dalam novel ini. Dalam makalahnya yang berjudul “*Putera Gunung Tahan: Satu Karya Pascakolonial*” (Sohaimi 2003: 239-240) Sohaimi menimbulkan “rasa terkilan” ini, lantas beliau menginterpretasikan perkahwinan tersebut sebagai sindiran kepada golongan elit Melayu dewasa itu:

Perkahwinan ini menimbulkan tanda tanya kepada pembaca. Namun, kalau diteliti dengan lebih mendalam, peristiwa perkahwinan ini ialah satu sindiran kepada raja-raja dan

pembesar-pembesar Melayu pada ketika itu. Ada antara mereka yang berkahwin dengan wanita Inggeris dengan tujuan untuk meningkatkan status sosial mereka di kalangan golongan atasan. Tindakan mereka itu ditempelak oleh Ishak melalui perkahwinan Ratu Bongsu dengan Mem William. Mungkin lebih baik dan sesuai mereka itu berkahwin dengan wanita tempatan yang lebih jujur, mulia dan sesuai dengan adat Timur. Dengan kata lain, perkahwinan Ratu Bongsu dengan Mem William bukan satu tanda novel ini menepati model *hybridity* dan *syncreticity*. Sebaliknya, ia menepati model “ketegangan antara yang dijajah dengan yang menjajah” (Sohaimi 2003: 240)

Penjelasan Sohaimi bahawa perkahwinan tersebut adalah sindiran kepada pembesar tempatan agak sukar untuk diterima kerana beberapa sebab. Tanpa menafikan bahawa dalam novel ini memang ada beberapa rujukan kepada pembelotan orang-orang tempatan, namun apa yang ketara ialah melalui pelbagai strategi penceritaan teks ini dengan jelas mengetengahkan Inggeris/penjajah sebagai *sasaran* wacana penolakan novel ini dan juga *penerima* segala wacana penolakan tersebut. Strategi penceritaan yang dimaksudkan antara lain ialah mengasingkan watak Inggeris melalui penggembengan komponen lokasi iaitu “mencampakkan” mereka di Gunung Tahan; mematikan penolong mereka dan meninggalkan mereka berdua saja; memisahkan mereka lantas Robert dan William perlu berhadapan dengan peribumi secara sendirian; mempertentangkan kedua watak Inggeris ini dengan watak peribumi secara satu demi satu iaitu Robert dengan Perempuan Tua dan William dengan Ratu Bongsu, yang kesemuanya lebih menonjolkan watak-watak penjajah dan pengalaman penjajahan. Ini dibantu dengan strategi-strategi lain yang jelas mendefinisikan paksi cerita, sasaran mesej dan moral cerita berlegar bukan pada pembesar Melayu tetapi pada para penjajah. Dengan kata lain, apa yang ketara dalam novel ini ialah tindak tanduk pembesar Melayu yang berkahwin dengan wanita Inggeris tidak menduduki status “tumpuan” mesej dan moral cerita, atau status “sebab utama” novel tersebut diwujudkan. Tambahan lagi, memandangkan perkahwinan ini (atau persetujuan mereka akan berkahwin) merupakan babak terakhir dan penutup novel ini, iaitu satu tempat yang sangat strategik untuk tujuan pengukuhan mesej dan perutusan, adalah sukar untuk menerima bahawa Ishak rela “mencairkan” tumpuan novel ini dengan memalingkan sasarannya daripada Inggeris/penjajah kepada peribumi di detik-detik dan tempat yang begitu strategik sekali. Tidak dinafikan memang ada pembesar Melayu yang berkahwin dengan wanita Inggeris untuk tujuan kenaikan status sosial, tetapi bacaan seperti ini lebih merupakan bacaan harfiah. Ini kerana peristiwa perkahwinan lelaki peribumi dengan wanita Inggeris adalah episod-episod serpihan berbanding dengan pengalaman penjajahan itu sendiri, yang merupakan satu petaka yang menyelubungi dunia dewasa itu, iaitu satu fenomena yang menjadi semacam latar belakang bagi fikiran, ujaran, perbuatan, malah kehidupan dan

kewujudan mereka yang negaranya dijajah. Berhadapan dengan petaka yang lebih besar ini, bacaan yang lebih wajar ialah bacaan yang menyelongkar soal penjajahan tersebut serta kaitannya dengan usaha meleburkan wacana kolonial.

Begitu juga, penjelasan Sohaimi bahawa novel ini menepati model “ketegangan antara yang dijajah dengan yang menjajah” juga sukar dihayati. Ini kerana peruntukan ruang naratif (*narrative space*) kepada soal perkahwinan ini terlalu sedikit (hanya di hujung cerita) untuk dapat berlaku adil kepada tuntutan model ketegangan yang disarankan itu. Malah, dengan bentuk cerita yang lebih bersifat pemerian atau *descriptive*, iaitu bentuk penceritaan yang begitu lumrah pada dekad 1930-an itu, tuntutan model ketegangan itu tidak begitu ketara terlaksana dalam halaman yang tidak seberapa itu yang diperuntukkan kepada episod ini.

Bertolak daripada sanggahan dan pertimbangan-pertimbangan di atas, makalah ini ingin menawarkan satu bacaan alternatif, yang meletakkan episod perkahwinan tersebut dalam kerangka wacana kolonial, khususnya yang melibatkan soal seksualiti. Seperti yang dibincangkan dalam kerangka analisis, dalam wacana kolonial, penjajahan sering disamakan dengan hubungan seks dalam erti kata kedua-duanya membawa maksud penaklukan. Dalam pertembungan ini, tubuh wanita digambarkan sebagai objek penaklukan yang ditakluk oleh lelaki. Dalam novel *Putera Gunung Tahan*, episod perkahwinan atau persetujuan untuk berkahwin antara Ratu Bongsu dan Mem William secara mudah dapat dibaca sebagai penaklukan, iaitu penaklukan Mem William oleh Ratu Bongsu. Bacaan seperti ini merupakan pendobrakan yang berani dan total kerana wacana kolonial mempersepsikan penaklukan itu lumrahnya dilakukan oleh bangsa Eropah ke atas peribumi dan bukan sebaliknya. Adakah novel ini diperlengkapkan untuk melakukan pendobrakan yang sebegitu tuntas? Makalah ini ingin menghujahkan bahawa bacaan tersebut tidaklah keterlaluan kerana persediaan untuk melakukan pendobrakan tersebut adalah cukup, dan persediaan ini mampu mewajarkan bacaan sedemikian.

Bacaan ini perlu dilakukan dalam konteks yang menyeluruh iaitu konteks kelahiran novel yang merupakan gabungan pelbagai faktor. Antaranya ialah konteks dekad 1930-an yang memang diwarnai oleh petaka penjajahan, konteks pengarang sendiri yang memang terkenal sebagai seorang penentang penjajah, konteks Ingatan Pengarangnya yang secara sedar, sengaja dan terang-terangan melakarkan tujuan novel, dan lebih penting lagi, konteks penstrukturan keseluruhan novel yang memang dibangunkan untuk menyangkal wacana kolonial, seperti yang ketara dalam perbincangan di atas. Ini semua meletakkan novel ini sebagai usaha untuk meleburkan wacana kolonial secara konklusif.

Satu aspek wacana kolonial yang jelas dipertikaikan dalam episod penutup ini ialah representasi lelaki Orient/Timur sebagai lelaki lembut atau lelaki yang

menyukai sejenisnya. Bertentangan dengan representasi ini, *Putera Gunung Tahan* menggambarkan Ratu Bongsu sebagai lelaki gagah perkasa, segak dan kacak. Mem William sendiri mengaku kehebatan dan ketampanan Ratu Bongsu. Malah pada awalnya apabila ia diberitahu Ratu Bongsu menaruh hati kepadanya, Mem William berangan-angan meneruskan tujuan asal suaminya menawan puncak Gunung Tahan menerusi “muslihat lemah lembut” (Ishak 1973: 96). Namun, sekali terpancang Ratu Bongsu, angan-angan tersebut hilang; sebaliknya Mem William sendiri yang jatuh asyik kepada Ratu Bongsu, iaitu “sebagai asyik yang ia belum pernah rasa dahulu daripadanya” (Ishak 1973: 96). Selain itu, wacana kolonial yang menyifatkan lelaki Orient atau Timur sebagai buas, liar dan rakus juga disangkal oleh Ishak apabila Ratu Bongsu muncul sebagai lelaki yang bersopan santun. Dia menanti tiga tahun sebelum menyampaikan hasrat hatinya, dan ini pun dilakukan melalui orang pertengahan yang menyampaikan berita tersebut kepada Mem William. Menurut cetakan tahun 1973 yang dirujuk, Mem William telah berada di Gunung Tahan selama tiga tahun sebelum episod terakhir ini berlaku, dan bukannya tiga bulan seperti yang diperkatakan oleh Sohaimi. Ada tiga rujukan kepada tempoh tiga tahun ini dalam cetakan 1973 iaitu di halaman 92, 95 dan 97. Tempoh tiga bulan itu merujuk kepada masa yang berlalu sebelum Mem William sembuh daripada trauma kemalangan kapal terbang. Selama penantian ini, Ratu Bongsu digambarkan tidak sekali pun menunjukkan mukanya atau menghampiri Mem William. Begitu juga, dalam episod penutup ini, kunjungan Ratu Bongsu ke pondok Mem William adalah untuk memberi pilihan kepada Mem William sama ada mahu balik ke negerinya atau terus tinggal di Gunung Tahan. Setelah mendapat jawapan Mem William yang dia mahu menetap di Gunung Tahan, Ratu Bongsu digambarkan oleh Ishak meminta izin untuk pulang. Ini bertentangan dengan representasi peribumi sebagai liar dan rakus, yang begitu dominan dalam wacana kolonial. Malah, gambaran liar dan buas ini tertangkis sama sekali apabila dilihat situasi Mem William yang sendirian dan sangat lemah di Gunung Tahan itu, tetapi tidak langsung dieksploitasi oleh Ratu Bongsu. Seterusnya, sejajar dengan gambaran ini, wacana kolonial yang selalu mengajukan lelaki Eropah sebagai penyelamat wanita peribumi kini dijungkirbalikkan oleh *Putera Gunung Tahan* apabila Ratu Bongsu menyelamatkan Mem William setelah wanita tersebut mengalami kemalangan kapal terbang terhempas.

Beralih kepada representasi wanita Eropah berkaitan seksualiti, wacana kolonial sering mengetengahkan gambaran wanita yang normal dan santun, berbanding wanita Timur dan wanita kulit hitam yang dikatakan liar, tidak dapat dikawal dan menyimpang daripada kebiasaan. Dalam episod pertembungan Mem William dan Ratu Bongsu, novel distrukturkan untuk mengajukan Mem William, dan bukannya Ratu Bongsu, sebagai watak



yang memungkinkan terjalinnya hubungan emosional dan fizikal antara mereka berdua. Apabila Ratu Bongsu bersedia untuk meninggalkan Mem William, wanita tersebut bertindak menahan Ratu Bongsu dengan pujuk rayu. Ini disusuli dengan Mem William mencumbui Ratu Bongsu. Apa yang terserlah ialah tindak tanduk Mem William dalam episod ini bertentangan dengan gambaran seksualiti wanita Eropah yang sering diperagakan. Kejanggalan kelakuan Mem William diperhebatkan lagi apabila dilihat tindak tanduknya bercumbu itu dilakukan terhadap lelaki peribumi, yang menurut wacana kolonial, adalah “yang lain,” yang serba serbi rendah daripada dirinya. Seterusnya, tidak seperti situasi Robert yang “menjadi peribumi” kerana penangan ubat pengasih, Mem William tidak terkena ubat pengasih tetapi terkena panah asmara yang dia sendiri tidak dapat hindari. Dengan kata lain, dia “menjadi peribumi” dengan kerelaannya sendiri, dan ini diakui secara terbuka kepada Ratu Bongsu: “saya reda dan saya suka, saya serahkan nyawa dan badan saya kepada tuan...” Pengakuan Mem William ini menarik perhatian kepada kutipan no. 5 tentang Ratu Sheeba menyerah kekayaannya kerana inginkan kepuasan fizikal. Sayugia diingat, dalam pengakuannya ini Mem William secara spesifik merujuk kepada “badan”nya, iaitu satu rujukan yang dalam konteks wacana kolonial jelas dikaitkan dengan penaklukan, yakni penjajahan.

Selain daripada representasi yang tertera dalam episod ini, satu lagi aspek yang wajar juga diambil kira ialah soal peruntukan ruang naratif bagi episod ini, dan juga penempatannya sebagai penutup novel. Wajarkah ruang yang sedikit, yang kemudian dijadikan penutup novel, dibaca sebagai pendombrakan mutlak wacana kolonial? Sesungguhnya ruang naratif yang sedikit sudah memadai untuk menyampaikan makna yang relevan, sementara kedudukannya di akhir cerita bertepatan dengan maksud yang ditampungnya itu. Dengan kata lain, episod perkahwinan ini kecil tetapi sarat dengan makna yang konklusif, iaitu peleburan wacana kolonial secara mutlak. Seterusnya, kedudukannya di akhir cerita merupakan kemuncak yang sesuai dan bertepatan bagi satu bentuk wacana balikan iaitu *appropriation*, yakni mengambil alih wacana kolonial dan seterusnya menjadikan wacana tersebut itu miliknya, yang dimanfaatkan untuk tujuan-tujuan sendiri.

Perbincangan di atas berusaha untuk menunjukkan episod perkahwinan atau kemesraan antara Ratu Bongsu dan Mem William sebagai satu rantaian yang relevan dan substantif dalam keseluruhan wacana balikan yang utuh. Penegasan ini mungkin mengundang soalan wajarkah wanita yang menduakan suaminya menjadi Rani Gunung Tahan, atau permaisuri bagi Ratu Bongsu yang hebat itu. Tidakkah kehadirannya sebagai wanita yang pernah mengkhianati suaminya mencemarkan kedudukannya sebagai Rani, dan sekali gus “mengeruhkan” wacana balikan yang ingin diutarakan? Merujuk kepada soalan andaian (*hypothetical*) ini, bacaan yang disarankan itu

wajar dilihat sebagai usaha novel untuk meleburkan wacana kolonial, dalam erti kata hubungan seks yang diperikan sebagai penjajahan itu kini berlaku dalam konteks yang kebalikan. Dalam konteks wacana kolonial, hubungan dengan peribumi, hatta dalam bentuk yang tidak intim sekali pun, adalah sesuatu yang implikasinya melampaui maksud hubungan yang literal. Ia melibatkan soal kewujudan dan identiti “diri Eropah,” dengan segala implikasinya seperti yang telah dibincangkan. Justeru, “kemampuan” Ratu Bongsu menjalinkan hubungan dengan Mem William dalam apa jua keadaan pun perlu dilihat sebagai satu “kemenangan.” Sayugia diingat, dalam *Putera Gunung Tahan* hubungan tersebut bukan saja terjalin tetapi ia berlaku atas inisiatif Mem William, yang memang menginginkan hubungan tersebut, dan seterusnya dengan penuh kerelaan menyerahkan segala kepada Ratu Bongsu. Ini adalah “kemenangan” yang jelas bagi Ratu Bongsu. Di samping itu, sebagai hujah pengukuhan seterusnya, Mem William yang dipertemukan dengan Ratu Bongsu adalah Mem William yang sudah sedar dan menyesal akan perbuatannya. Ini ditambah pula dengan penantian tiga tahun yang dikenakan oleh pengarang ke atas Mem William. Ditinjau dari segi ini, perkahwinan Ratu Bongsu tidak mengeruhkan wacana balikan yang ditegakkan dalam novel ini, tetapi sebaliknya menjadi pengukuhan kepada kemutlakan “penjajahan” yang telah dapat dilaksanakan oleh peribumi. Seterusnya, “penjajahan” ini adalah istimewa memandangkan ia dilaksanakan pada dekad 1930-an, iaitu dekad yang belum terbiasa dengan wacana pascakolonial, lebih-lebih lagi kehadirannya sebagai disiplin yang dianggap hormat dan berwibawa, seperti yang ghairah diterima dewasa ini, dan disebut sebelum ini. Penekanan kepada “wacana” dan peranannya dalam “wacana pascakolonial” ini menarik perhatian kepada gagasan yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi Hassan (1992) iaitu Persuratan Baru (PB), yang juga memanfaatkan konsep “wacana” bagi urusan menghasilkan teks dan juga merungkainya, tetapi dengan takrif dan pemahaman “wacana” yang jelas berbeza. Tidak seperti “wacana” dalam konteks wacana pascakolonial yang lumrah diguna pakai, “wacana” yang diajukan oleh PB lebih menjurus kepada penggemblengan ruang naratif untuk membentuk idea, buah fikiran, hujahan, yang juga dirujuk sebagai “wacana”. Seterusnya, dan lebih penting lagi, wacana PB ini menekankan peri pentingnya wacana yang terbentuk itu merayakan kebenaran, iaitu kebenaran di sisi Allah SWT. Adalah sangat menarik sekiranya teks yang sama ini dirungkai menurut gagasan PB tersebut guna melihat bacaan yang diraih, dan sejauh mana bacaan tersebut sama atau berbeza dengan bacaan pascakolonial, khususnya dari aspek kebenaran dan juga tata-cara kebenaran tersebut ditegakkan.

## PENUTUP

Makalah ini telah menghujahkan bahawa novel *Putera Gunung Tahan* berusaha meleburkan wacana kolonial dengan mengutarakan wacana balikan yang mutlak. Dengan menggunakan pelbagai strategi penceritaan, Ishak Haji Mohammed telah menstrukturkan novelnya itu untuk menangani masalah penjajahan dengan cara yang tertentu, yang tanpa ambiguiti dapat menjungkirbalikkan wacana kolonial. Seperti yang dikatakan sebelum ini, usaha Ishak ini perlu diletakkan dalam konteks waktu novel tersebut dihasilkan. Tidak seperti kebanyakan karya, yang ditulis dalam konteks negara yang dulu dijajah dan kini telah merdeka, dan karya yang dihasilkan itu adalah buah tangan penulis yang bebas, keadaan Ishak dan novel *Putera Gunung Tahan* ini berbeza. Ishak dan *Putera Gunung Tahan* berhadapan dengan penjajah dari posisi yang cukup menghambat, iaitu sebagai anak jajahan dalam negara sendiri yang telah ditakluki dan tidak merdeka. Ini menjadikan *Putera Gunung Tahan* satu wacana yang cukup berani, lebih-lebih lagi memandangkan Ishak menggunakan “senjata” penjajah itu sendiri, tetapi diputarbalikkannya untuk muncul sebagai wacana sanggahan atau wacana balikan. Ditinjau dari sudut ini, ternyata dakwaan Ishak untuk menjadikan *Putera Gunung Tahan* sebagai “alat perjuangan menuntut kemerdekaan, keadilan dan untuk menghalau penjajah,” yang dimaterai dalam bentuk tulisan pada tahun 1937, dan diulang 36 tahun kemudian pada tahun 1973 itu, memang bukan satu mainan bahasa semata. Dengan caranya yang tersendiri, Ishak Haji Muhammad jelas mengotakan janjinya itu.

## RUJUKAN

- Ashcroft et al. 1998. *Key Concepts in Post-colonial Studies*. Routledge: London.
- Childs, P. & Williams, R.J.P. 1997. *An Introduction to Post-colonial Theory*. London: Longman.
- Ishak Haji Muhammad. 1973. *Putera Gunung Tahan*. Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency.
- JanMohamed, Abdul R. 1985. The economy of manichean allegory: The function of racial difference in colonialist literature. *Critical Inquiry*. Autumn 12(1).
- Loomba, A. 1998. *Colonialism/Postcolonialism*. London: Routledge.
- Loomba, A. 2000. *Kolonialisme/Pascakolonialisme*. Terj. Hartoni Hadikusumo. Jogjakarta: Bentang.
- Mohd. Affandi Hassan. 1992. Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. 1994. *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu: Sanggahan Terhadap Syarahan Perdana Prof. Dr. Muhammad Hj. Salleh (Sarjana dan Sasterawan Negara)*. Kelantan: Penerbit Tiga Puteri.
- Mohd. Affandi Hassan. 1994. Pemikiran dan pendekatan dalam kritikan sastera Melayu. Dlm. *Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti: Esei/Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. 1994. “Mengapa saya menulis Aligupit,” *Dewan Masyarakat*, September.
- Mohd. Affandi Hassan. 1999. Persuratan Baru dan Cabaran Intelektual: Menilai Kembali Kegiatan Kreatif dan Kritikan. Kertas kerja dibentangkan di Kolokium ‘Membina Teori Sastera Sendiri,’ 6-8 Disember.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said, Edward. 1979. *Orientalism*, New York: Vintage Books.
- Sohaimi A. Aziz. 2003. *Teori & Kritikan Sastera: Modenisme, Pascamodenisme, Pascakolonialisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Ph.D  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
ungkumaimunah@yahoo.com  
Universiti Kebangsaan Malaysia